

13/06/1997

Tingkatkan keupayaan kereta nasional: PM

Karim Sulaiman in London

LONDON, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu industri kereta nasional dilengkapi dengan kemudahan teknologi automotif semasa bagi membolehkannya bersaing dengan kereta buatan lain.

Menurut Perdana Menteri, walaupun pemasangan kelengkapan teknologi seumpama itu akan menaikkan harga kereta nasional, ia tidak terlalu tinggi. Lagipun, katanya tidak ada gunanya mengeluarkan kereta pada kos rendah jika ia tidak boleh dijual.

Beliau memberikan contoh pemasangan kemudahan Sensor Bersepadu yang akan dihasilkan oleh syarikat usaha sama Malaysia-Britain, TPM Research (TPMR), dalam meningkatkan prestasi kereta nasional.

"Kereta nasional dan Lotus akan dilengkapi dengan sistem sensor. Syarikat kereta lain juga akan turut menggunakan sistem ini bagi meningkatkan keupayaan keluaran mereka.

"Apabila menggunakan sensor, harga kereta akan naik tetapi tidak terlalu tinggi. Dalam kes tertentu, adalah tidak baik mengeluarkan kereta pada kos rendah jika tidak boleh dijual.

"Kita akan ketinggalan jauh dan tidak mampu bersaing serta tidak boleh mendapat keuntungan. Kereta murah tidak dapat dijual," katanya dalam sidang akhbar selepas melawat Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R & D) CRL di Hayes, kira-kira 35 kilometer dari sini semalam.

CRL yang ditubuhkan pada 1928 yang dipercayai syarikat multimedia pertama dunia, mempunyai kepakaran khusus R & D dalam bidang elektrik dan elektronik, termasuk sensor, kejuruteraan mikro, telekomunikasi tanpa wayar, perisian maju, multimedia, serta audio dan video.

Syarikat itu mengadakan usaha sama dengan Taman Teknologi Malaysia Sdn Bhd (TPM) melalui TPMR untuk membangun dan mengeluarkan produk teknologi di Malaysia, bagi pasaran dunia.

Salah satu projek TPMR ialah mewujudkan Pusat Reka Bentuk Silikon Sensor, yang akan bekerja rapat dengan pengeluar cip silikon bagi menghasilkan produk sensor berterusan.

Kemudahan Sensor Bersepadu mempunyai pasaran dunia bernilai AS\$10 bilion (RM25 bilion) menjelang tahun 2000 dan TPMR berharap dapat menguasai 10 peratus pasaran itu hasil pembangunan dan pembuatan kemudahan itu di Malaysia.

Peningkatan jumlah kereta menambah keperluan sensor dan diramalkan menjelang tahun 2000, setiap kereta akan mempunyai lebih 60 sensor individu.

Dr Mahathir berkata, TPMR akan membangun dan mengeluarkan kemudahan Sensor Bersepadu bagi pembangunan industri Malaysia, termasuk automotif, alam sekitar, perubatan dan aeroangkasa.

Sebagai permulaan, kemudahan Sensor Bersepadu itu akan digunakan dalam industri automotif tempatan.

Menurut Perdana Menteri, walaupun Malaysia menjalankan banyak kegiatan R & D, ia lebih berbentuk akademik. Oleh itu, penyelidik tempatan perlu wujud dan menggunakan hasil penyelidikan itu dalam membangunkan teknologi terkini.

"Kita perlu mengeluarkan reka cipta baru dan penyelidikan sendiri. Pada masa yang sama, kita mempunyai peluang untuk mengadakan usaha sama. Kemudahan ini sudah ada di luar negara dan adalah lebih murah kita membeli teknologi mereka," katanya.

Menjawab soalan, Dr Mahathir menjelaskan, Malaysia tidak mengubah dasar

padang ke Timur dengan beralih ke Barat. Malaysia tetap memandangi ke Timur, tetapi pada masa yang sama Barat menyediakan banyak peluang kepada negara.

"Saya tidak pernah berkata berhenti dari pandangan ke Timur. Barat berminat kepada kita dan menawarkan banyak peluang. Adalah bodoh jika kita tidak mengambil peluang ini. Kita mahu menjalankan urusan dengan semua tanpa mengira warna kulit," katanya.

(END)